

# PM tuduh beberapa pemimpin PBS bakar hati rakyat Sabah bencikan Persekutuan

UM 17 OCT 1990

KUALA LUMPUR 16 Okt. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menuduh beberapa orang pemimpin Parti Bersatu Sabah (PBS) khususnya Dato' Dr. Jeffery Kitingan membakar hati orang Sabah membenci Kerajaan Persekutuan.

Katanya: "Sebenarnya orang Sabah tidak anti Kerajaan Persekutuan tetapi beberapa orang pemimpin PBS khususnya Dr. Jeffery Kitingan yang telah membakar hati mereka."

Tambah Perdana Menteri, melalui tindakan yang dijalankan olehnya (Dr. Jeffery) menyebabkan orang Sabah menganggap beliau sebagai wira.

"Dan apabila beliau (Dr. Jeffery) dikenakan tindakan kerana tidak membayar cukai pendapatan dia mendakwa kepada orang-orang Sabah bahawa dirinya dianiaya," katanya selepas pertemuan beliau dengan anggota-anggota Majlis Tertinggi UMNO di kediamannya di sini malam ini.

Menyentuh mengenai keselamatan di Sabah ekoran penarikan diri PBS daripada Barisan Nasional (BN), Perdana Menteri berkata, pasukan keselamatan sentiasa bersedia.

"Saya telah memberitahu kepada polis supaya menjaga keamanan di sana, kita mahu pilihanraya diteruskan dalam keadaan aman, kita juga tidak mahu apa-apa tunjuk perasaan serta perkara yang tidak diingini," tegas beliau.

Menyentuh mengenai kenyataan Presiden USNO yang mahukan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) menunda pilihanraya di Sabah, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata:

"Kita tidak akan tangguhkannya, kita akan jaga keselamatan dan Insya-Allah pilihanraya boleh dijalankan, tiada masalah yang akan timbul," katanya.